



NEGERI SABAH

JPAN:1000-9/159 Kit.2

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 3 / 2023

TAPISAN KESELAMATAN SEMULA KEPADA PEGAWAI AWAM NEGERI MELALUI SISTEM e-VETTING

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi maklumat berkenaan keputusan Kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2021 : Tapisan Keselamatan Semula Kepada Pegawai Awam Melalui Sistem e-Vetting.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) adalah kuasa pusat berkenaan dasar dan pengurusan tapisan keselamatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Semua urusan tapisan keselamatan hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Tapisan keselamatan dijalankan melalui kerjasama strategik bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

- 2.2. Tapisan keselamatan adalah satu proses yang dapat membantu menentang kegiatan-kegiatan subversif, espionaj, sabotaj dan keganasan sama ada dari dalam atau luar negara. Proses ini juga mampu mengenal pasti kelemahan keperibadian pegawai awam, komuniti keselamatan termasuklah mereka yang berurusan dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan kepada Kerajaan.
- 2.3 Tapisan keselamatan yang digunakan terdiri daripada Tapisan Keselamatan Halus dan Tapisan Keselamatan Kasar.
- 2.4 Kerajaan telah memutuskan pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam dikehendaki menjalani dan lulus tapisan keselamatan sama ada sebelum disahkan dalam perkhidmatan atau setelah disahkan dalam perkhidmatan. Walau bagaimanapun, atas faktor kelemahan peribadi serta risiko ancaman keselamatan, maka Tapisan Keselamatan Semula perlu dilaksanakan selepas lima (5) tahun keputusan tapisan keselamatan terdahulu diterima iaitu selaras dengan perenggan 157, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).
- 2.5 Impak positif yang boleh diperolehi daripada pelaksanaan Tapisan Keselamatan Semula ini adalah sebagai salah satu kaedah mengenalpasti aktiviti subversif serta kelemahan peribadi pegawai awam dan sekiranya tidak diberi perhatian serta tindakan mitigasi ianya boleh menjejaskan keselamatan dan kerahsiaan maklumat Kerajaan.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Bagi maksud dalam Pekeliling ini: